

## Peserta Latihan Kemahiran Empower ECER Iftar bersama warga UMP



Pekan, 7 Julai – Hampir 100 orang peserta latihan Empower ECER hadir dalam Majlis Iftar yang dianjurkan Universiti Malaysia Pahang (UMP) dengan kerjasama Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC ) bertempat di Kompleks Perkhidmatan Siswa UMP Pekan baru-baru ini.

Majlis diserikan dengan kehadiran, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) Prof. Dato'. Dr. Rosli Mohd Yunus. Hadir sama Pengurus Besar ECERDC Negeri Pahang, Mazlan Sharudin dan Guru Besar Sek Keb. Indera Shahbandar, Roslan Hj Ali. Prof. Dato'. Dr. Rosli berkata, program ini bertujuan untuk meraikan peserta dan berbuka puasa bersama peserta Empower Mahkota. Selain itu juga menerusi program ini dapat mengeratkan lagi silaturrahim antara satu sama lain.





"UMP berbangga dengan usaha kerjasama ini dan sehingga kini Empower ECER di negeri Pahang telah mempunyai seramai 20,699 peserta latihan akademik dan 6835 peserta latihan kemahiran keusahawanan yang telah dan sedang mengikuti program di bawah empower ECER yang dijalankan pihak UMP Advanced Education bersama Persatuan Matahari.

Seorang peserta, Ruhaiza Razali yang merupakan peserta Kelas Masakan 1 Malaysia menghargai jemputan ke program ini. Katanya, di sini kami dapat berjumpa antara satu sama lain sejak tamat kelas Masakan pada awal tahun lalu memandangkan masing-masing sibuk dengan perniagaan masing-masing. Begitu juga rakannya, Zarina Embong pula berkata, pengalaman makan dalam talam ini mengingatkannya kenangan masa kecil dahulu tatkala makan bersama adik-beradik lain.

Sebagai menyemarakkan Ramadan, program Iftar ini bakal dijalankan di UMP Gambang melibatkan penyertaan dari kalangan pelajar sekolah daerah Kuantan pada 9 Julai dan disusuli dengan program Iftar peserta empower ECER bersama Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob yang bakal diadakan di Pejabat Pendidikan daerah Bera pada 13 Julai ini.

***Disediakan Unit Perhubungan Awam, Bahagian Komunikasi Korporat PNC***

Posted By : NOR FADZILLAH BINTI ZULKIPLI Date Posted : 09-07-2015, 17:11:52